

09/11/2001

Perkembangan dinamik sains dan teknologi

Syuhada Choo Abdullah

PIAGAM Pelanggan Universiti Putra Malaysia (UPM) yang dilancarkan baru-baru ini, menegaskan penekanan yang serius terhadap kepentingan kualiti dalam semua aspek perkhidmatannya.

Dasar kualiti yang dicanangkan ialah semua kakitangan hendaklah beriltizam ke arah kecemerlangan melalui penerapan budaya kualiti dalam pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan profesional untuk memenuhi kehendak pelanggan.

Peningkatan kualiti perlu diberi penekanan berterusan bagi memastikan kesinambungan kecemerlangan universiti berkenaan.

Seawal pembukaannya sebagai Sekolah Pertanian pada 21 Mei 1931, institusi itu diberi perhatian serius bagi memastikan keberkesanan peranan untuk melatih dan melahirkan tenaga pakar dalam bidang pertanian yang mendominasi ekonomi Tanah Melayu ketika itu.

Hingga 1941, Sekolah Pertanian berjaya melatih 321 pegawai, iaitu 155 lulusan diploma membabitkan tempoh pengajian selama tiga tahun, dan 166 pemegang sijil yang menjalani kursus setahun.

Selepas dinaikkan taraf kepada Kolej Pertanian Malaya pada 23 Jun 1947, sejumlah RM7.9 juta diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970) untuk melaksanakan pembangunannya, mencakupi penambahan bilangan pegawai dan pengambilan pelajar, membina dewan kuliah dan makmal sains, serta mendapatkan lebih banyak kawasan untuk kolej berkenaan.

Kecemerlangan Kolej Pertanian Malaya menerima pengiktirafan bersejarah apabila diisytihar sebagai Universiti Pertanian Malaysia yang kemudian memulakan sesi akademiknya yang pertama pada 23 Julai 1973.

Tiga fakulti asas dibuka sebagai pengenalan, iaitu Fakulti Pertanian, Fakulti Perhutanan, serta Fakulti Kedokteran Veterinar dan Sains Penternakan di samping satu bahagian Sains Asas.

Perkembangan universiti itu kian pesat dengan pembangunan fizikal dan program akademik serta penyelidikan di samping peningkatan enrolmen pelajar, termasuk dari luar negara.

Berdasarkan statistik, bilangan kemasukan pelajar tempatan dalam program ijazah sarjana di Universiti Pertanian Malaysia pada 1982 ialah 55 orang, 1983 (61), 1984 (63), 1985 (75), 1986 (103), 1987 (134), 1988 (188), 1989 (264), 1990 (301), 1991 (277) dan 1992 (272).

Enrolmen pelajar asing dalam program berkenaan pula ialah 16 orang pada 1982, 1983 (25), 1984 (25), 1985 (14), 1986 (24), 1987 (22), 1988 (28), 1989 (34), 1990 (43), 1991 (36) dan 1992 (25).

Program peringkat kedokteran turut menerima kemasukan pelajar tempatan, iaitu 34 orang pada 1982, 1983 (43), 1984 (43), 1985 (52), 1986 (58), 1987 (67), 1988 (71), 1989 (75), 1990 (81), 1991 (66) dan 1992 (78).

Sementara itu, bilangan penuntut asing pula ialah seorang pada 1982, 1983 (tiga), 1984 (tujuh), 1985 (seorang), 1986 (14), 1987 (19), 1988 (25), 1989 (29), 1990 (32), 1991 (41) dan 1992 (45).

Menyedari pentingnya universiti sentiasa bergerak pantas untuk menyaingi perkembangan pesat dunia ilmu, Universiti Pertanian Malaysia turut mengatur strategi dinamik dengan memperkenalkan bidang pengajian baru setiap sesi akademik.

Misalnya dalam tempoh 10 tahun, program pengajian ditawarkan pada sesi akademik pertama 1973/74 ialah Bacelor Sains Pertanian, Bacelor Sains (Perhutanan), Doktor Perubatan Veterinar, Diploma Pertanian, Diploma Teknologi Rumahtangga, Diploma Kesihatan Haiwan dan Penternakan, Diploma

Sains dengan Pendidikan, serta Program Pendahuluan.

Program pengajian baru diperkenalkan pada sesi 1974/75 ialah Bacelor Sains (Perniagaan Tani) dan Diploma Perikanan; 1975/76 - Bacelor Kejuruteraan (Pertanian), Bacelor Sains dan Bacelor Sains dengan Pendidikan; 1976/77 - Bacelor Sains dan Teknologi Makanan, Bacelor Sains (Alam Sekitar), Bacelor Sains (Ekonomi Sumber) dan Diploma Perhutanan.

Sesi 1977/78 - Bacelor Pendidikan (Sains Pertanian), Bacelor Pendidikan (Teknologi Rumahtangga) dan Bacelor Sains (Teknologi Rumahtangga); 1979/1980 - Bacelor Pendidikan (Pendidikan Jasmani) dan Bacelor Sains (Perikanan); 1980/81 - Diploma Kejuruteraan Pertanian; 1981/82 - Bacelor Pendidikan (Pengajaran Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Pertama), Bacelor Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) dan Diploma Profesional Teknologi dan Pengurusan Perladangan; dan 1982/83 - Bacelor Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua), Bacelor Sains Komputer, Diploma Sains Komputer dan Diploma Perniagaantani.

Bilangan kursus yang ditawarkan juga meningkat dari semasa ke semasa dalam tempoh berkenaan, iaitu 166 pada sesi 1973/74, 1974/75 (202), 1975/76 (318), 1976/77 (415), 1977/78 (503), 1978/79 (600), 1979/1980 (764), 1980/81 (799), 1981/82 (904) dan 1982/83 (986).

Kecemerlangan pencapaian Universiti Pertanian Malaysia dalam bidang sains dan teknologi terserlah apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melancarkan nama baru sebagai Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 3 April 1997.

Perubahan nama itu merupakan langkah strategik untuk mencerminkan kedudukan UPM sebagai menara gading yang menawarkan pelbagai program pengajian terkini, termasuk teknologi maklumat (IT), dan bukan tertumpu kepada bidang pertanian semata-mata.

Misalnya dengan pembangunan Pusat Inkubator Teknologi 1 UPM-MTDC dan Stesen Satelit Bumi Time Telekom yang menyediakan prasarana dan persekitaran kondusif untuk kemajuan IT dan multimedia, UPM mampu menjadi pusat pembangunan multimedia dalam konteks kemajuan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Sehubungan itu, semua fakulti, pusat mahupun bahagian di UPM diarah melaksanakan projek UPM On Line dengan penuh iltizam bagi memanfaatkan pelaburan besar yang sudah dibuat dalam menyediakan prasarana, perkakasan dan perisian bidang IT, bagi membolehkan UPM muncul sebagai 'The Networked Campus', iaitu antara ciri terpenting universiti pada abad ke-21 ini.

Malah bagi menangani permintaan tinggi terhadap program dalam bidang IT, selaras dengan kedudukannya dalam lingkungan Koridor Raya Multimedia (MSC), UPM menubuhkan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat pada 1 Oktober 1998.

UPM turut mempertingkatkan penekanannya terhadap pembangunan dalam bidang penyelidikan sehingga universiti itu muncul sebagai antara agensi penyelidikan dan pembangunan terbesar di negara ini yang menerima hampir RM96 juta untuk membiayai projek penyelidikan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam.

(END)